

Urus niaga pasaran hadapan mata wang asing

BH 11 APR 1994

Kawal jumlah pegangan

Oleh Wan Hamidi Hamid

KUALA TERENGGANU, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kegiatan pasaran hadapan mata wang asing perlu diteruskan oleh Bank Negara Malaysia kerana ia adalah perkara penting bagi mengukuhkan kewangan negara.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata jumlah (quantum) yang digunakan untuk tujuan itu, tidak seharusnya terlalu besar.

Menurutnya, kerugian Bank Negara Malaysia sebanyak RM5.7 bilion bukan kerana kegiatan pasaran hadapan mata wang asing tetapi jumlah pegangannya dalam mata wang tertentu yang terlalu besar menyebabkan ia kerugian.

"Sama ada suka atau tidak, kita kena laksanakan kegiatan pasaran hadapan mata wang asing. Kalau kita tidak jual beli wang asing, mungkin nilai mata wang kita turun dan kita tidak ada penimbal.

"Kalau kita beli wang asing, sekurang-kurangnya kita ada simpanan macam-macam wang, kita boleh sekat untuk bertahan," katanya kepada pemberita selepas menutup Seminar Islam dan Pembangunan Terengganu Darul Iman di sini petang ini.

Dr Mahathir berkata, disebabkan mata wang sentiasa naik dan turun, penurunan mata wang tertentu yang terlalu banyak boleh menimbulkan masalah kepada pihak yang memegang terlalu

banyak wang itu.

Kerugian Bank Negara Malaysia diumumkan oleh bekas Gabernonya, Tan Sri Jaffar Hussein, dalam sidang akhbar pada 30 Mac lalu yang menyatakan ia berpunca daripada pertimbangan yang salah dan tiada tindakan segera membetulkannya.

Jaffar yang meletak jawatan selepas itu digantikan oleh Pengarah Urusan Malayan Banking Berhad, Ahmad Mohd Don, berkuatkuasa 1 Mei ini.

Mengenai usaha memastikan kerugian sedemikian tidak berlaku lagi, Dr Mahathir menjelaskan, beliau tidak boleh memberi jaminan kerana jika perkara itu tidak berlaku, perkara lain mungkin terjadi.

"Kita cuma boleh cuba saja. Setiap kali kita cuba, kadang-kadang ada juga yang lari daripada ketentuan kita," katanya.

Mengenai dakwaan Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, kononnya Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang sepatutnya bertanggungjawab berhubung kerugian RM5.7 bilion itu, Perdana Menteri menegaskan: "Kita semua bertanggungjawab."

Menurut Dr Mahathir, kerajaan memberi peluang kepada rakyat iaitu jika mereka tidak mahu memilih kerajaan yang ada sekarang, mereka boleh memilih parti pembangkang untuk memrintah.